

UMS-KAL mampu jana ekonomi Labuan

OLEH JAINUDIN DJIMIN
jainudin@newsabah-times.com.my

LABUAN: Kewujudan Universiti Malaysia Sabah, Kampung Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah memberi manfaat yang besar kepada Labuan bukan saja dalam memartabatkan bidang keilmuan, tetapi juga mampu menjana pertumbuhan ekonomi dan pembangunan Labuan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Basiran Saban berkata, kehadiran pelajar dan tenaga pengajar dari luar Labuan telah membantu menjana ekonomi penduduk tempatan termasuk dari segi pengangkutan, restoran, penginapan, telekomunikasi, kraftangan, budaya, pertambahan penduduk, kemasyarakatan dan pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan.

"Kehadiran pelajar bersama keluarga juga telah memberi kesan secara tidak langsung terhadap bilangan pengunjung ke Labuan dan dapat memperkenalkan Labuan kepada masyarakat luar," katanya berucap pada Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMS-KAL kali kedua di Dataran Labuan, semalam.

Perarakan sejauh 2 kilometer yang bermula pukul 9 pagi itu diketuai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antara-

bangsa), UMS, Profesor Dr Amran Ahmed yang mewakili Naib Canselor UMS, Brig Jen Profesor Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon.

Seramai 412 peserta yang terdiri daripada murid Tadika, pelajar sekolah rendah dan menengah, pelajar Kolej Matrikulasi Labuan (KML) dan UMS-KAL serta Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan dan Sekolah Sains Informatik Labuan menyertai perarakan berkenaan yang diiringi pasukan pancaragam PDRM Kontingen Kepayan.

Pada majlis itu diadakan majlis menandatangani dan penyerahan watikah antara UMS dan Perbadanan Labuan serta penyerahan kunci sebagai satu simbolik dan sijil kepada pelajar UMS-KAL.

Hadir sama Pegawai Utama UMS, Pendaftar UMS, Abdullah Mohd Said, Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang dan Pengurus Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Datuk Yunus Kurus.

Basiran berkata majlis anjuran bersama UMS dan Perbadanan Labuan itu dapat meningkatkan imej Labuan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di peringkat universiti tempatan.

Katanya, sudah sampai masanya penduduk Labuan menetapkan matlamat sekun-



BERARAK ... Pelajar UMS-KAL yang memakai jubah graduan berarak dari Terminal Feri Antarabangsa Labuan hingga ke Dataran Labuan.

rang-kurangnya satu keluarga mempunyai seorang anak kelulusan universiti..

"Sekiranya matlamat ini dapat dicapai, taraf ekonomi penduduk Labuan akan meningkat dan mengurangkan kadar kemiskinan di pulau ini. Saya

berharap majlis itu dapat membuka mata ibu bapa mengenai pentingnya ilmu pendidikan kepada anak-anak," katanya,

Sementara itu, Dr Amran berkata majlis itu diadakan sebagai satu simbolik penerimaan masyarakat setempat terhadap

populasi pelajar UMS-KAL yang terdiri daripada pelbagai kaum serta kampus itu terletak di pulau ini.

Beliau berharap pelajar UMS-KAL akan mengadakan aktiviti kemasyarakatan yang banyak memberi manfaat kepada penduduk setempat.

"Budaya ilmu yang dipelajari di universiti akan terus menjadi warisan untuk dikongsi dan diamalkan kepada masyarakat tempatan demi kepentingan generasi akan datang," katanya.